



MyGDI

Malaysia Geospatial Data Infrastructure

NEWSLETTER

■ Edisi No. 1

■ April 2017

■ www.mygeoportal.gov.my

■ facebook.com/mygeoportal

ISI KANDUNGAN

MESYUARAT BERSAMA PIHAK
WORLD BANK

PAMERAN SEMPENA SIMPOSIUM
INOVASI NRE 2017

Halaman 1

PAMERAN SEMPENA MAJLIS
PELANCARAN PROGRAM
TEENAGERS ENGAGEMENT
TOWARDS ENVIRONMENT AND
NATURE – ADOPT A SCHOOL

LAWATAN KERJA
UNIT PERANCANG EKONOMI

PAMERAN SEMPENA PERSIDANGAN
ICT & GEOSPATIAL JABATAN ALAM
SEKITAR

Halaman 2

PAPARAN MAKLUMAT KEJAYAAN
KEMENTERIAN MELALUI GALERI
KEJAYAAN NRE

Halaman 3

MESYUARAT BERSAMA PIHAK WORLD BANK



PUTRAJAYA, 15 Feb. - Rentetan daripada lawatan yang telah diadakan pada Oktober 2016 yang lalu, pihak World Bank sekali lagi mengunjungi MaCGDI pada 15 Februari 2017 untuk membincangkan secara lanjut berkaitan *Malaysian SDI policy, institution and legal framework, technical infrastructure, data, capacity* dan hal-hal lain yang berkaitan. Mesyuarat ini telah dipengerusikan

oleh YBhg. Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya, TKSU (SA) dan juga turut dihadiri oleh pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) dan Bahagian Tanah, Ukur dan Pemetaan (BTUP), NRE. Manakala, pihak World Bank telah diwakili oleh Puan Kathrine Kelm dan Puan Sonila Jazaj.

Pada mesyuarat ini, pihak World Bank juga telah menjalankan kaji selidik yang dipanggil sebagai *Global Spatial Data Infrastructure (SDI) Diagnostic Tool and Scorecard (SDI Diagnostic Tool and Scorecard)* berdasarkan dua (2) objektif utama iaitu: (a) *create a global index on the level of geomaturity for countries*; dan (b) *produce a quick assessment for a country that provides a clear picture of the current status of SDI development*. Keputusan daripada soalan kaji selidik ini kelak dapat membantu pihak World Bank untuk mengenal pasti aspek-aspek yang harus diutamakan dalam peningkatan sesebuah negara mengenai kepentingan SDI.

PAMERAN SEMPENA SIMPOSIUM INOVASI NRE 2017



KUALA LUMPUR, 20-21 Feb. - Simposium Inovasi NRE pada tahun ini telah diadakan di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong. Simposium ini berlangsung selama dua (2) hari dengan bertemakan 'Merakyatkan Inovasi NRE' dan telah dirasmikan oleh YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri NRE.

Simposium ini diadakan bertujuan untuk mengetengahkan aktiviti-aktiviti inovasi jabatan-jabatan di NRE dalam membantu peranan dan sistem penyampaian perkhidmatan NRE, membentuk persekitaran ekosistem yang kondusif bagi menggalakkan aktiviti inovasi di NRE dan mempromosikan inovasi yang terhasil bagi tujuan komersialisasi. Simposium ini telah diisi dengan sesi pembentangan dan pameran inovasi. MaCGDI telah dijemput sebagai salah satu pempamer bersama Bahagian Pentadbiran dan Kewangan (BPKN) bagi mewakili NRE Ibu Pejabat. Agensi lain yang turut serta dalam pameran ini adalah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG), Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Jabatan Biokeselamatan (JBK) dan FRIM.

PAMERAN SEMPENA MAJLIS PELANCARAN PROGRAM *TEENAGERS ENGAGEMENT TOWARDS ENVIRONMENT AND NATURE – ADOPT A SCHOOL*



KUALA LIPIS, 29 Mac – MaCGDI bersama-sama Unit Komunikasi dan Korporat (UKK) NRE telah dijemput untuk mewakili NRE untuk menjayakan pameran NRE sempena Majlis Pelancaran Program *Teenagers Engagement Towards Environment and Nature – Adopt A School*. Bagi pameran kali ini, UKK NRE telah membawakan bas Unit Pameran Bergerak NRE ke Kolej Vokasional Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah (KVSHAS) untuk tatapan pengunjung. Bas tersebut dimuatkan dengan poster-poster semua jabatan dan agensi di bawah NRE termasuk poster-poster dan bahan-bahan penerbitan program MyGDI.

Program ini telah dianjurkan oleh Sultan Ahmad Shah Environment Trust (SASET) bertempat di Dewan Mat Kilau, KVSHAS dan telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultanah Pahang Sultanah Hajjah Kalsom. SASET merupakan sebuah badan bukan kerajaan yang giat menerajui usaha-usaha pemuliharaan dan penjagaan khazanah alam semula jadi negeri Pahang Darul Makmur. Sehubungan itu, program yang dianjurkan oleh SASET ini juga adalah bersempena Hari Hutan Antarabangsa 2017.

LAWATAN KERJA UNIT PERANCANG EKONOMI



PUTRAJAYA, 31 Mac - MaCGDI telah menerima kunjungan delegasi daripada pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU) yang terdiri daripada enam (6) orang pegawai EPU dan diketuai oleh Encik Mothi A/L SK Kothandabhany, Pengarah Seksyen Pembangunan Wilayah (SPW), EPU. Lawatan kerja ini turut dihadiri wakil daripada PLANMalaysia seramai dua (2) pegawai, wakil daripada Bahagian Kampung Baru seramai dua (2) orang dan wakil daripada Lembaga Tanah Persekutuan (FELDA) seramai dua (2) orang pegawai. Pihak delegasi telah disambut mesra oleh Puan Hajah Norizam binti Che Noh, Pengarah MaCGDI, Timbalan-timbalan Pengarah dan pegawai-pegawai MaCGDI yang hadir.

EPU dengan kerjasama Kementerian dan agensi kerajaan telah membangunkan Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional (SPKPN). SPKPN ini dibangunkan bertujuan untuk menyimpan profil kampung di Malaysia dan telah mula beroperasi pada Januari 2016. Pengumpulan data dibuat melalui agensi yang terlibat iaitu Bahagian Kampung Baru, JPM, FELDA, KKLW dan PLANMalaysia. Bagi memantapkan lagi sistem ini, pihak EPU mencadangkan untuk mengintegrasikan dengan GIS. Lawatan kerja ini juga diadakan bagi memperkukuhkan jalinan kerjasama yang sedia ada antara EPU dan MaCGDI.

PAMERAN SEMPENA PERSIDANGAN ICT & GEOSPATIAL JABATAN ALAM SEKITAR





SELANGOR, 3 April - MaCGDI telah menerima jemputan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Malaysia untuk menyertai pameran sempena Persidangan ICT & Geospatial anjuran Seksyen GIS, Bahagian Teknologi Maklumat, JAS. Persidangan peringkat Jabatan ini telah diadakan di *Grand Ball Room*, Hotel Bangi-Putrajaya.

Persidangan ini bertujuan untuk memberi penerangan hala tuju JAS dalam skop teknologi maklumat dan geospatial serta memberi pendedahan teknologi terkini kepada pihak pengurusan atasan serta pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung. Dianggarkan sekitar 140 orang peserta yang

terdiri daripada penyelaras IT & GIS JAS setiap negeri telah hadir ke persidangan ini.

PAPARAN MAKLUMAT KEJAYAAN KEMENTERIAN MELALUI GALERI KEJAYAAN NRE



Berikut ialah lima (5) fakta menarik mengenai Galeri Kejayaan NRE:

- 1** Galeri Kejayaan NRE adalah cetsuan ilham oleh YB Menteri NRE sendiri.
- 2** Inisiatif oleh Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI) bagi membangunkan *Digital Mapping* Kejayaan NRE menggunakan platform MyGOS (Malaysian Geospasial Online Services).
- 3** Galeri Kejayaan NRE memaparkan galeri dan memori kejayaan yang menceritakan program-program NRE, kolaborasi strategik dan hubungan antarabangsa serta penguatkuasaan akta dan undang-undang yang telah dilaksanakan di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan jabatan di bawah NRE.
- 4** Pembangunan Galeri Kejayaan ini melibatkan kerjasama pelbagai Jabatan iaitu Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN), Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM), Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG), Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG), Jabatan Alam Sekitar Malaysia (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) dan bahagian-bahagian di bawah NRE.
- 5** Aplikasi *mobile* Galeri Kejayaan NRE yang dinamakan "NRE Go" boleh dimuat turun melalui *Play Store* untuk pengguna *Android* dan *App Store* untuk pengguna *iOS*.



Diterbitkan oleh:

PUSAT INFRASTRUKTUR DATA GEOSPASIAL NEGARA (MaCGDI),

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR,

ARAS 7 & 8, WISMA SUMBER ASLI,

NO. 25, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,

62574 PUTRAJAYA.

TEL.: 03 - 8886 1156

FAX: 03 - 8889 4851

Website: www.mygeoportal.gov.my

